

Tahap Penghayatan Nilai Akhlak Al-Quran Dalam Kalangan Pelajar Kelas Aliran Agama (KAA) di SMK Jalan Tiga, Bandar Baru Bangi

Dr. Wan Nasyrudin Wan Abdullah (Ph.D), Hanizah Husain (S.P.I)

Jabatan Pengajian Al-Quran dan Al-Sunnah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi

ABSTRAK

Kajian ini adalah bertujuan mengenal pasti tahap penghayatan nilai akhlak al-Quran dalam kalangan pelajar KAA dan mengkaji faktor-faktor yang mempengaruhi akhlak mereka. Kajian memfokuskan kepada pelajar-pelajar KAA di SMK Jalan Tiga, Bandar Baru Bangi. Nilai akhlak al-Quran pula difokuskan pada nilai akhlak terhadap ibu bapa, guru, rakan dan masyarakat. Oleh kerana kajian ini lebih kepada penghayatan individu, borang soal selidik telah diedarkan kepada responden sebagai kaedah untuk mendapatkan maklumat yang diperlukan. Selain itu, temubual dan pemerhatian juga dilakukan untuk mengukuhkan hasil kajian. Hasil kajian yang dijalankan, mendapati sebilangan besar pelajar KAA mempunyai tahap penghayatan yang baik pada kebanyakan nilai akhlak al-Quran. Namun, pada beberapa nilai akhlak, ia menunjukkan tahap penghayatan sederhana.

PENGENALAN

Al-Qur'an dengan nilai-nilai ketinggiannya adalah asas kejayaan di dunia dan di akhirat. Hasan Langgulung (1979) menyatakan, kandungan al-Quran merangkumi lima perkara iaitu aqidah, akhlak, pemikiran, kisah-kisah orang terdahulu dan hukum amaliyah kepada pencipta atau sesama manusia. Nilai akhlak merupakan salah satu nilai-nilai al-Quran yang mendidik budi pekerti umat manusia. Akhlak merupakan tabiat, kelakuan, moral, budi pekerti atau tingkah laku yang baik. Perkataan akhlak berasal dari perkataan Bahasa Arab (الاخلاق), ia merupakan kata jamak dari perkataan (al-Khuluq / الخلق). Perkataan ini adalah pecahan dari perkataan (al-Khulq / الخلق) yang bererti ciptaan. Manakala dari segi istilah, akhlak menurut Ibnu Miskawih (421H/1030M), ialah sifat yang tertanam dalam jiwa yang mendorong untuk melakukan perbuatan tanpa memerlukan pemikiran dan pertimbangan. Menurut beliau, keadaan jiwa seseorang terbahagi kepada natural (tabii) dan keadaan jiwa yang dibentuk melalui latihan dan kebiasaan. Imam Al-Ghazali (1015-1111M), menyatakan akhlak adalah sifat yang tertanam dalam jiwa, yang menimbulkan pelbagai perbuatan dengan mudah tanpa memerlukan pemikiran dan pertimbangan.

Nilai-nilai akhlak al-Quran, adalah cukup sempurna. Di antaranya dalam surah al-Isra' ayat 23-37:

- i. Sentiasa menyembah Allah SWT.
- ii. Berbuat baik, berbudi bahasa dan bersopan santun kepada ibu bapa
- iii. Merendah diri dan rasa belas kasihan kepada ibu bapa
- iv. Sentiasa mendoakan ibu bapa agar sentiasa dirahmati Allah SWT.
- v. Menunaikan hak-hak kepada kaum kerabat, golongan miskin dan orang musafir
- vi. Tidak boros dan tidak kedekut
- vii. Bersederhana dalam berbelanja
- viii. Tidak mengecilkan hati orang-orang yang datang meminta-minta
- ix. Tidak membunuh anak-anak kerana takut jatuh miskin
- x. Tidak melakukan zina

- xi. Tidak membunuh orang dengan sengaja tanpa sebab musabab
- xii. Tidak membalas kezaliman dengan melampau batas
- xiii. Tidak memakan/ menggunakan harta anak yatim
- xiv. Menunaikan janji kepada Allah SWT. dan janji sesama manusia
- xv. Tidak mengurangkan timbangan atau sukatan dalam perniagaan
- xvi. Tidak berlagak sombong apabila berjalan di muka bumi

Pemahaman dan penghayatan terhadap nilai-nilai al-Quran khususnya nilai akhlak, mampu membentuk kesejahteraan dan kebahagiaan umat manusia di dunia dan di akhirat. Penghayatan yang baik sejak kecil, menjadikan anak-anak berkembangan atas rasa cinta kepada Allah SWT. Seterusnya menerima aqidah al-Quran, melaksanakan perintah-perintah al-Quran, menjauhi larangan-larangannya, berakhlak dengan akhlak al-Quran dan berjalan atas landasan al-Quran. Ia juga akan menjadikan seseorang itu takut untuk melakukan kemungkaran seperti mengumpat, perasaan hasad dengki, menipu, rasuah dan sebagainya, kerana mereka tahu dan faham bahawa setiap perbuatan akan diberi balasannya di akhirat.

Firman Allah SWT :

﴿ وَمَنْ يَعْمَلْ مِثْقَالَ ذَرَّةٍ شَرًّا يَرَهُ ﴾ ﴿ وَمَنْ يَعْمَلْ مِثْقَالَ ذَرَّةٍ خَيْرًا يَرَهُ ﴾

Maksudnya: "Maka sesiapa berbuat kebaikan seberat zarah, nescaya dia akan melihat (balasan)nya. Dan sesiapa berbuat kejahatan seberat zarah nescaya dia akan melihat (balasan)nya." (surah al-Zalzalah 99: 7-8)

Nilai akhlak al-Quran adalah nilai akhlak yang agung. Selepas Allah SWT. menyempurnakan akhlak Rasulullah SAW., Allah SWT. telah memuji Baginda dan diberi gelaran sebagai orang yang mempunyai akhlak yang agung dan luhur sepertimana dalam firmanNYA:

﴿ وَإِنَّكَ لَعَلَىٰ خُلُقٍ عَظِيمٍ ﴾

Maksudnya: "Dan bahawa sesungguhnya engkau mempunyai akhlak yang sangat-sangat mulia (surah al-Qalam 68: 4)

Nabi SAW. sentiasa mendidik umat manusia agar meninggalkan akhlak buruk dan mengamalkan akhlak baik dalam kehidupan.

Aisyah r.a. meriwayatkan dalam hadis :

﴿ فَإِنَّ خُلُقَ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كَانَ الْقُرْآنُ ﴾

Maksudnya : "Sesungguhnya budi pekerti Rasulullah SAW adalah al-Qur'an"

(hadith riwayat Abu Daud, sunan Abi Daud : 1342)

Penjelasan akhlak dalam al-Quran dan hadis Nabi SWA., membuktikan ketinggian dan kedudukan akhlak dalam Islam. Pandangan Islam terhadap nilai akhlak adalah tetap dan tidak merubah. Islam memandang keji dan menetapkan bahawa dusta, khianat dan fitnah adalah akhlak buruk. Pandangan Islam ini tidak akan berubah dengan menilai bahawa dusta, khianat dan fitnah itu adalah perbuatan yang baik. Begitu juga sebaliknya, Islam akan tetap memandang jujur dan amanah sebagai nilai yang baik untuk selamanya. Ketetapan Islam dalam memandang dan menilai akhlak al-Quran adalah jelas, berbanding pandangan terhadap akhlak ciptaan manusia dan tidak berpandukan wahyu Allah SWT.

Islam mendidik dan meletakkan akhlak dalam semua bidang sama ada bidang akidah, ibadat dan muamalah.

i. Bidang Akidah

Akidah dan syariat adalah asas kepada agama Allah SWT. Akidah adalah asas dalam seluruh binaan Islam. Oleh itu seseorang tidak akan dapat membina akhlak yang baik tanpa akidah yang benar. Begitu juga akhlak yang dibina dan diamalkan tanpa akidah, adalah seperti bahan yang tidak mempunyai nilai. Allah SWT. dalam firman-Nya banyak menyeru umat manusia, agar melakukan kebaikan dan melarang melakukan kejahatan sebagai tuntutan iman dan bertaqwa kepada-Nya. Iman seseorang sama ada kuat atau lemah, dapat diukur dan diketahui melalui prilaku akhlaknya. Iman yang kuat akan melahirkan akhlak yang mulia. Manakala iman yang lemah akan membawa kepada akhlak yang keji. Hubungan di antara iman dengan akhlak banyak dijelaskan oleh Rasulullah SAW.

Sabda Rasulullah SAW. :

أَكْمَلُ الْمُؤْمِنِينَ إِيمَانًا أَحْسَنُهُمْ خُلُقًا

Maksudnya: "Orang mukmin yang sempurna imannya ialah mereka yang baik akhlaknya"
(hadith riwayat Tirmizi, sunan at-Tirmizi : 1162)

ii. Bidang Ibadah

Islam memandang ibadat sebagai cara paling utama untuk mengawal manusia agar sentiasa berada atas landasan aqidah yang betul. Ibadah dalam Islam merangkumi semua tingkah laku manusia sama ada prilakunya terhadap Allah SWT. atau tingkah lakunya sesama manusia. Ia juga meliputi semua tingkah laku manusia sama ada rohani atau jasmani. Menunaikan ibadat adalah melaksanakan segala kewajipan kepada Allah SWT. Kemuncak kepada penghayatan terhadap perlakuan ibadat ialah lahirnya tingkah laku dan akhlak yang mulia. Hakikatnya ibadat akan membentuk peribadi mukmin. Ibadah adalah pokok-pokok iman, bukan merupakan upacara agama yang bersifat abstrak (Imam al-Ghazali, 1970). Nilai akhlak terkandung dalam semua ibadah seperti solat, zakat, puasa dan haji.

Firman Allah SWT.:

إِنَّ الصَّلَاةَ تَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ

Maksudnya " Sesungguhnya solat itu dapat mencegah dari perbuatan yang keji dan mungkar"(surah Al-Ankabut 29: 45)

iii. Bidang Mu'amalah

Umat manusia tidak dapat memisahkan diri mereka daripada nilai akhlak sama ada akhlak baik atau akhlak buruk. Islam telah meletakkan nilai-nilai akhlak dalam semua perhubungan sesama manusia. Islam sebagai sistem kehidupan manusia yang sempurna, telah menggariskan panduan, peraturan dan undang-undang sebagai tali ikatan perhubungan dengan Tuhannya, hubungan sesama manusia dan makhluk-makhluk lain.

Kesemua peraturan dan undang-undang ini adalah tali ikatan kemasyarakatan yang mengawal dan mengatur tingkah laku manusia, agar sentiasa bergerak ke arah kebaikan yang lebih sempurna. Ia juga merupakan kaedah dan prinsip dalam menyusun kehidupan manusia untuk mencapai matlamat kewujudannya di dunia sebagai hamba kepada Tuhannya.

Sabda Rasulullah SAW. :

المؤمن من أَمَنَهُ النَّاسُ عَلَى دِمَائِهِمْ وَأَمْوَالِهِمْ

Maksudnya : "Orang mukmin adalah orang yang dapat menjaga keamanan orang lain, sama ada keselamatan nyawa mereka mahupun harta mereka"

(hadis riwayat At-Tirmidzi, sunan Tirmidzi: 2627)

SUMBER AKHLAK

Akhlak Islam ialah akhlak yang bersumberkan kepada wahyu al-Qur'an dan al-Sunnah. Menurut Sayyid Quthb, akhlak yang bersumberkan daripada al-Qur'an dan sunnah merupakan akhlak yang sudah pasti dan tidak akan berubah. Hasan Langgulung (1988) menjelaskan terdapat lima sumber nilai yang diakui dalam Islam. Pertama : al-Quran. Kedua : Sunnah Nabi. Ketiga: Qiyas iaitu membandingkan masalah yang disebut dalam al-Qur'an atau Sunnah dengan masalah yang dihadapi oleh umat Islam dalam masa tertentu dan nas yang kuat tidak didapati dalam al-Qur'an dan Sunnah. Keempat : kemaslahatan umum pada suatu ketika yang difikirkan patut menurut kacamata Islam. Kelima: kesepakatan dan Ijmak ulama dan ahli-ahli fikir Islam pada suatu ketika yang dianggap sesuai dengan sumber iaitu al-Qur'an dan Sunnah.

PEMBENTUKAN AKHLAK AL-QUR'AN

Rasulullah SAW. adalah contoh ikutan yang baik kepada semua umat manusia. Baginda sentiasa menyeru umat manusia agar memiliki akhlak yang mulia. Sabda Rasulullah SAW. yang bermaksud "*Sebaik-baik orang di antara kamu, ialah orang yang akhlaknya baik*" (*hadis riwayat al-Bukhari, sohib Bukhari : 6029*). Oleh itu, setiap individu muslim perlu berusaha bersungguh-sungguh melatih jiwanya dengan memberikan didikan budi pekerti. Umat Islam perlu mengambil pengajaran dan peringatan tentang pentingnya pembentukan akhlak daripada sejarah Rasulullah SWA. Baginda berjihad untuk membebaskan penduduk Arab Jahilliyah dari belenggu nafsu dan akhlak yang buruk. Salah satu tujuan Allah SWT. mengutuskan para rasul untuk umat manusia, adalah bertujuan membimbing dan membantu manusia supaya hidup mengikut fitrah semula jadi iaitu berakhlak mulia.

Namun, ketinggian dan kepentingan nilai akhlak al-Qur'an kini sering diabaikan. Kesannya banyak berlaku masalah kemerosotan akhlak dalam kalangan masyarakat. Masalah ini melibatkan golongan dewasa, remaja dan pelajar-pelajar, sama ada pelajar di peringkat sekolah rendah mahupun sekolah menengah. Kemajuan era globalisasi banyak mempengaruhi cara kehidupan umat Islam khususnya generasi pelajar. Dalam mengejar kemajuan teknologi kebendaan, golongan manusia moden khususnya golongan remaja, menganggap hukum-hukum dan nilai-nilai agama adalah penghalang kepada kemajuan. Menurut Abdul Rauf Dalip (1991), sesetengah ahli fikir pula ada yang mengatakan semakin tinggi pencapaian teknologi manusia, semakin merosot nilai-nilai moral dan kerohanian dan nilai-nilai tersebut sering menjadi korban.

Permasalahan tingkah laku pelajar sering menjadi topik perbualan dalam media massa dan sesetengah golongan masyarakat, terutamanya golongan yang terlibat dalam dunia pendidikan. Fenomena ini membimbangkan semua pihak, khususnya ibu bapa dan pihak sekolah. Pelbagai persoalan ditimbulkan. Apakah punca dan cara menangani permasalahan yang berlaku. Walaupun ditetapkan pelbagai peraturan disiplin, namun salah laku kemerosotan akhlak tetap berlaku. Di antara permasalahan yang berlaku, laporan Berita Harian: 05.01.2014, Kangar: Jabatan Pendidikan negeri, menyerahkan sepenuhnya kepada polis tanggungjawab menyiasat dakwaan pembabitkan pelajar sebuah sekolah menengah di Kuala Perlis, di sini, dengan kegiatan samseng atau kongsi gelap. Pengarahnya, Dun Kasa, berkata ini kerana kes dihadapi pelajar lelaki berusia 17 tahun itu yang kini dalam tahanan polis, adalah serius kerana ia membabitkan kes jenayah.

Sehubungan itu, Kerajaan Malaysia, menerusi Kementerian Pelajaran sentiasa mengambil berat dan berusaha merancang dasar, bagi mengatasi masalah kemerosotan akhlak dalam kalangan pelajar. Di antaranya ialah menekankan keutamaan ilmu dan akhlak baik dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Di samping itu, penerapan nilai-nilai murni dalam setiap mata pelajaran juga telah dilaksanakan, bertujuan menanam dan membentuk akhlak mulia dalam kalangan pelajar. Begitu juga pelaksanaan Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP). Salah satu tujuan pelaksanaannya ialah melahirkan pelajar yang mempunyai jati diri yang kukuh, berkeperibadian dan berkeperibadian mulia, sentiasa menghormati orang lain serta mampu menjadi pemimpin yang baik dan berkesan di dalam keluarga dan masyarakat.

LATAR BELAKANG KELAS ALIRAN AGAMA (KAA)

Kelas Aliran Agama adalah salah satu aliran kelas yang dilaksanakan di beberapa buah Sekolah Menengah Kebangsaan Harian. Kelas Aliran Agama di Sekolah Menengah Kebangsaan telah mula dijalankan secara rintis pada tahun 1987. Pada Februari 1990, Pengarah Pendidikan Malaysia ketika itu telah meminta pengarah-pengarah Pendidikan Negeri menubuhkan Kelas Aliran Agama di Sekolah Menengah Kebangsaan di negeri masing-masing. Berikutan itu dalam Mesyuarat Penyelarasan Hal-Hal Profesional (PHP) ke 29 pada Januari 1991, Kertas Konsep Aliran Agama di Sekolah Menengah Biasa telah dibincangkan. Melalui mesyuarat tersebut, pelaksanaan Kelas Aliran Agama telah diluluskan. Pada tahun 1992, Kelas Aliran Agama (KAA) telah dilaksanakan di 130 buah sekolah di Malaysia. Sehingga kini Kelas Aliran Agama telah meningkat sebanyak 543 buah sekolah.

Sehubungan dengan persetujuan dalam mesyuarat tersebut, pihak Kementerian Pelajaran telah menetapkan beberapa kriteria sebagai asas penubuhan Kelas Aliran Agama, kriteria pemilihan pelajar-pelajar Kelas Aliran Agama dan juga proses pemilihan pelajar ke Kelas Aliran Agama.

Kriteria penubuhan Kelas Aliran Agama:

- a) Sekolah yang bercadang untuk membuka Kelas Aliran Agama hendaklah mempunyai asrama supaya dapat menampung pelajar yang tinggal jauh dari sekolah. Pelajar-pelajar Kelas Aliran Agama digalakkan tinggal di asrama untuk memudahkan mereka mengikuti segala program yang dirancang untuk pengukuhan dan peningkatan amalan rohani dan sahsiah.
- b) Sekolah yang tidak mempunyai asrama, hendaklah mempunyai sistem perhubungan yang baik supaya pelajar mudah berulang alik dari rumah ke sekolah.
- c) Kelas Aliran Agama hendaklah dibuka daripada tingkatan 1 hingga tingkatan 5 atau mengikut keperluan.

- d) Jumlah maksimum pelajar dalam satu kelas adalah tidak melebihi 35 orang.
- e) Kelas Aliran Agama dimulakan secara bertahap dari tingkatan satu hingga tingkatan lima dan murid-muridnya adalah mereka yang berada dalam kelas yang sama atau dalam kelas aliran yang sama.
- f) Kelas Aliran Agama hendaklah melaksanakan pakej pengajian sama seperti mana yang dilaksanakan di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama.
- g) Kelas Aliran Agama hendaklah melaksanakan Kelas Kemahiran al-Quran (KKQ) sebagai aktiviti kokurikulum.
- h) Dalam Kelas Aliran Agama, Bahasa Arab hendaklah dimasukkan dalam jadual waktu sekolah serta menjadi subjek yang wajib dipelajari serta wajib di ambil peperiksaan.
- i) Pembukaan Kelas Aliran Agama adalah berdasarkan kepada keputusan Mesyuarat Anggaran Belanja Mengurus (ABM) yang diadakan setiap tahun antara Bahagian-Bahagian di KPM bersama JPN.

Kriteria pemilihan pelajar:

- a) Pelajar tersebut memohon untuk memasuki Kelas Aliran Agama dan dipilih oleh pihak sekolah dan dipersetujui oleh pihak JPN.
- b) Pelajar dari kawasan setempat yang mempunyai kelayakan minima 3A 2B dalam peperiksaan UPSR, Jabatan Pelajaran Negeri dibenarkan membuat pemilihan mengikut keadaan dan keperluan setempat (syarat kemasukan dilonggarkan sekiranya terdapat kekosongan atau tertakluk kepada negeri berkenaan).
- c) Pelajar-pelajar tersebut boleh menulis, membaca jawi dan membaca al-Qur'an dengan baik.
- d) Pemilihan pelajar juga boleh di buat oleh pihak sekolah berdasarkan kecemerlangan UPSR dan lulus ujian PAFA. Pihak sekolah boleh membuat pemilihan melalui ujian lisan dan bertulis.
- e) Pelajar-pelajar yang berminat untuk memasuki Kelas Aliran Agama boleh mengisi borang yang diedarkan oleh Jabatan Pelajaran Negeri ke sekolah-sekolah. Pada tahun 2013 permohonan boleh dilakukan secara on-line ke Jabatan Pelajaran Negeri.
- f) Pemilihan calon-calon pelajar yang layak oleh Jabatan Pelajaran Negeri.
- g) Pemilihan calon-calon pelajar yang layak juga boleh di buat oleh pihak sekolah.
- h) Tawaran kemasukan dikeluarkan kepada pelajar yang layak oleh Jabatan Pelajaran Negeri.
- i) Pelajar tersebut memohon masuk ke Kelas Aliran Agama atau Sekolah Menengah Kebangsaan Agama tetapi tidak mendapat tempat di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama dan ditawarkan ke Kelas Aliran Agama atau dipilih oleh pihak sekolah dan dipersetujui oleh pihak Jabatan Pelajaran Negeri.

AKTIVITI KELAS ALIRAN AGAMA

Di samping syarat dan kriteria penubuhan Kelas Aliran Agama serta pemilihan pelajarinya, Pihak Kementerian Pelajaran telah menggariskan beberapa cadangan aktiviti yang boleh dilaksanakan dalam kelas aliran ini. Aktiviti yang dicadangkan ini adalah sebagai garis panduan kepada pihak sekolah, dalam merancang aktiviti pengukuhan dan peningkatan sahsiah serta akademik pelajar-pelajar Kelas Aliran Agama.

Di antara aktiviti yang dicadangkan ialah:

- a) Pengukuhan Nahu Tatabahasa Bahasa Arab
- b) Teknik menjawab soalan Bahasa Arab PMR dan SPM

- c) Penguasaan bacaan dan tulisan jawi oleh semua pelajar KAA
- d) Celik al-Qur'an
- e) Tahsin al-Qur'an
- f) Khatam al-Qur'an.

Merujuk keputusan mesyuarat Jawatankuasa Perancangan Pelajaran tahun 1995, Kelas Kemahiran al-Quran (KKQ) akan diperluaskan ke semua Kelas Aliran Agama. Kelas ini mengandungi bidang pengajian tajwid, tilawah, tarannum, ulum al-Qur'an, qiraat dan tafsir. Peruntukan masa bagi setiap bidang pengajian adalah selama 120 minit dalam satu minggu. Kewajaran pelaksanaan Kelas Kemahiran al-Qur'an kepada semua pelajar Kelas Aliran Agama, adalah kerana salah satu tujuan penubuhan Kelas Aliran Agama ialah untuk melahirkan pelajar yang menguasai kemahiran membaca al-Qur'an.

Berdasarkan kriteria penubuhan dan pemilihan pelajar-pelajar Kelas Aliran Agama oleh pihak kementerian, menunjukkan bahawa pelajar-pelajar ini mempunyai kemahiran dan penguasaan bacaan al-Qur'an yang baik. Manakala melalui aktiviti-aktiviti yang dicadang dan dilaksanakan, ia dapat membantu mereka memahami keunggulan al-Qur'an dan kelebihan-kelebihan pembacaan al-Qur'an. Seterusnya mengukuhkan penghayatan mereka terhadap nilai-nilai al-Qur'an, khususnya nilai akhlak.

LATAR BELAKANG KELAS ALIRAN AGAMA DI SMK JALAN TIGA

SMK Jalan Tiga, Bandar Baru Bangi ditubuhkan pada 15 November 1994 dan mula beroperasi pada 1 Disember 1994. Selari dengan penubuhan sekolah, Kelas Aliran Agama atau lebih dikenali dengan nama ringkasnya KAA juga telah dilaksanakan di sekolah ini. Kelas ini menawarkan aliran mata pelajaran seperti yang dilaksanakan di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA), iaitu aliran sains tulen agama dan aliran sastera agama. Tiga mata pelajaran tambahan atau elektif wajib dipelajari oleh pelajar-pelajar Kelas Aliran Agama. Mata pelajaran tersebut ialah Bahasa Arab, Pendidikan al-Qur'an dan al-Sunnah dan Pendidikan Syariah Islamiah.

Pada awal penubuhannya, hanya terdapat satu kelas aliran agama di sekolah ini iaitu bagi pelajar tingkatan satu. Peningkatan permohonan ibu bapa untuk menempatkan anak-anak mereka dalam kelas aliran ini, telah mendorong pihak pentadbir sekolah berusaha memohon kelulusan dari pihak Kementerian Pelajaran, bagi menambah bilangan Kelas Aliran Agama. Tahun 1998, terdapat empat Kelas Aliran Agama di sekolah ini dan kelas aliran ini mula dilaksanakan bagi pelajar tingkatan empat. Kini jumlah keseluruhan pelajar Kelas Aliran Agama di sekolah ini adalah seramai 616 orang pelajar. Bilangan Kelas Aliran Agama pula terdiri daripada 16 buah kelas, iaitu empat kelas tingkatan satu, empat kelas tingkatan dua, empat kelas tingkatan tiga, dua kelas tingkatan empat dan dua kelas tingkatan lima. Pertambahan bilangan pelajar Kelas Aliran Agama di sekolah ini, telah menuntut pihak sekolah merancang strategik bagi memantapkan lagi pentadbiran dan pengurusanannya dari masa ke semasa.

PENGHAYATAN NILAI AKHLAK AL-QUR'AN DALAM KALANGAN PELAJAR KELAS ALIRAN AGAMA

Penulis menganalisis tahap penghayatan nilai akhlak al-Qur'an dalam kalangan mereka dan faktor-faktor yang mempengaruhi akhlak mereka. Juga mengkaji adakah terdapat perbezaan faktor berdasarkan pembolehubah bebas jantina, umur atau tingkatan, tempat tinggal semasa

belajar dan pekerjaan ibu bapa. Analisis ini adalah berdasarkan borang soal selidik yang telah diedarkan kepada responden, iaitu terdiri daripada 300 orang pelajar Kelas Aliran Agama.

Borang soal selidik ini memfokuskan maklumat yang berkaitan latar belakang responden, tahap penghayatan nilai akhlak al-Qur'an (nilai akhlak terhadap ibu bapa, guru, rakan dan masyarakat) dan faktor-faktor yang mempengaruhi akhlak mereka. Daripada hasil kajian ini, dapatlah dijelaskan tahap penghayatan terhadap nilai akhlak kepada ibu bapa, guru, rakan dan masyarakat dalam kalangan pelajar-pelajar KAA di sekolah ini.

LATAR BELAKANG RESPONDEN

Dapatan kajian pada latar belakang responden, mendapati pelajar perempuan lebih ramai mengambil bahagian dalam soal selidik yang dijalankan, dengan nisbah peratusan 43%: 57%. Umur atau tingkatan responden menunjukkan 47.3% adalah berumur 14 tahun. 26.7% adalah berumur 16 tahun dan 26% responden berumur 13 tahun. Manakala tempat tinggal semasa belajar, responden yang tinggal di rumah ibu bapa mereka 70%, tinggal di rumah sewa .7% dan yang tinggal di asrama 29.3%. Pekerjaan ibu bapa responden di sektor kerajaan adalah tertinggi iaitu 54.7%, diikuti 28% bekerja di sektor swasta, 15.3% bekerja sendiri dan 2% ibu bapa tidak bekerja.

TAHAP PENGHAYATAN NILAI AKHLAK AL-QURAN TERHADAP IBU BAPA

Hasil kajian daripada borang soal selidik, didapati penghayatan nilai akhlak al-Quran terhadap ibu bapa dalam kalangan responden adalah tinggi iaitu 3.89 – 4.90. Namun, terdapat dalam kalangan responden yang kurang bersetuju dan tidak bersetuju pada beberapa amalan yang dikemukakan dalam soal selidik. Seramai 63 orang (21.0%) kurang setuju dan 7 orang (2.3%) tidak bersetuju pada amalan, saya sentiasa jujur terhadap ibu bapa saya. Terdapat 77 orang (25.7%) kurang setuju dan 12 orang (4.0%) tidak bersetuju terhadap item, saya sentiasa menolong ibu bapa saya membuat kerja tanpa disuruh oleh mereka. Seramai 41 orang (13.7%) kurang setuju, 3 orang (1.0%) tidak setuju dan 4 orang (1.3%) sangat tidak setuju dengan pernyataan, saya selalu memberi salam kepada ibu bapa saya ketika hendak pergi dan pulang dari sekolah. Manakala amalan saya sentiasa meminta kebenaran ibu bapa saya setiap kali saya hendak keluar rumah, menunjukkan 26 orang (8.7%) kurang setuju, 4 orang (1.3%) tidak setuju dan 2 orang (7%) sangat tidak setuju. Keadaan ini menunjukkan, ramai dalam kalangan pelajar KAA tidak mengamalkan nilai-nilai akhlak terhadap ibu bapa dengan sempurna.

TAHAP PENGHAYATAN NILAI AKHLAK AL-QURAN TERHADAP GURU

Dapatan kajian menunjukkan, kebanyakan responden mempunyai penghayatan yang tinggi terhadap nilai akhlak al-Quran kepada guru iaitu 3.84 – 4.48. Secara keseluruhannya ia berada pada tahap yang tinggi. Walau bagaimanapun pada beberapa item, bilangan responden yang tidak setuju dan kurang setuju adalah tinggi. 55 orang (18.3%) kurang setuju, 11 orang (3.7%) tidak bersetuju dan seorang responden (.3%) sangat tidak setuju pada amalan, saya sentiasa jujur terhadap guru-guru saya. Manakala pernyataan saya mempunyai sikap suka menolong guru walaupun guru tidak meminta pertolongan, terdapat 83 orang (27.7%) kurang bersetuju, 16 orang (5.3%) tidak setuju dan 4 orang (1.3%) sangat tidak setuju. Selain itu, seramai 67 orang (22.3%) kurang setuju, 10 orang (3.3%) tidak setuju dan 7 orang (2.3%) sangat tidak setuju dengan amalan, saya berinteraksi dengan baik apabila berjumpa guru di luar sekolah.

TAHAP PENGHAYATAN NILAI AKHLAK AL-QURAN TERHADAP RAKAN.

Hasil kajian tahap penghayatan nilai akhlak al-Quran terhadap rakan dalam kalangan responden adalah baik, iaitu 3.53 – 4.32. Terdapat dua item menunjukkan skor min sederhana iaitu item 6 (3.53) dan item 10 (3.57). Seramai 109 orang (36.3%) kurang setuju, 21 orang (7.0%) tidak bersetuju dan 11 orang (3.7%) sangat tidak setuju dengan amalan saya sentiasa memberi salam apabila berjumpa dengan rakan-rakan. Kebanyakan responden juga tidak setuju dengan pernyataan, saya sentiasa menjadi contoh yang baik kepada rakan-rakan, dengan bilangan 121 orang responden (40.3%) kurang setuju, 16 orang (5.3%) tidak setuju dan 5 orang (1.7%) sangat tidak setuju.

TAHAP PENGHAYATAN NILAI AKHLAK AL-QURAN TERHADAP MASYARAKAT.

Dapatan kajian pada tahap penghayatan nilai akhlak al-Quran terhadap masyarakat adalah di antara 3.41 – 4.50. Terdapat tiga item menunjukkan skor min sederhana iaitu item 5 (3.50), item 7 (3.51) dan item 8 (3.41). Kajian menunjukkan 107 orang (35.7%) kurang setuju, 29 orang (9.7%) tidak setuju dan 11 orang (3.7%) sangat tidak setuju terhadap amalan sentiasa memberi salam apabila berjumpa masyarakat di sekeliling mereka. Manakala 127 orang (42.3%) kurang setuju, 20 orang (6.7%) tidak setuju dan 6 orang (2.0%) sangat tidak setuju pada pernyataan, saya sentiasa menjadi contoh yang baik kepada masyarakat di sekeliling saya. Soal selidik amalan sentiasa menyertai aktiviti kemasyarakatan bersama-sama masyarakat di sekeliling mereka, menunjukkan seramai 111 orang responden (37.0%) kurang setuju, 34 orang (11.3%) tidak bersetuju dan 17 orang (5.7%) sangat tidak setuju.

FAKTOR-FAKTOR YANG MEMPENGARUHI NILAI AKHLAK PELAJAR KELAS ALIRAN AGAMA

Hasil dapatan kajian menunjukkan skor min yang tinggi pada kebanyakan faktor yang dikaji. Dua faktor menunjukkan skor min sederhana, iaitu faktor sikap diri sendiri dan tingkah laku rakan-rakan dalam kelas aliran biasa. Ini menunjukkan hampir kesemua faktor mempunyai pengaruh yang tinggi ke atas akhlak pelajar Kelas Aliran Agama, terutamanya faktor ibu bapa. Dapatan kajian dijelaskan melalui jadual di bawah.

JADUAL 1: Faktor Penghayatan Nilai Akhlak

Faktor	Skor Min
Sikap Diri Sendiri	3.55
Ibu Bapa	4.34
Sekolah – Program	3.78
Guru	4.04
Rakan Kelas Aliran Agama	4.08
Rakan Kelas Aliran Biasa	3.45
Persekitaran Masyarakat	3.97

Sumber: Borang Soal Selidik

PERBEZAAN FAKTOR YANG MEMPENGARUHI AKHLAK PELAJAR KELAS ALIRAN AGAMA

Dapatan ujian-t terhadap perbezaan faktor yang mempengaruhi akhlak pelajar KAA berdasarkan jantina, menunjukkan terdapat perbezaan pada domain tersebut ($t = -2.494$, $\text{sig.} = .013 < .05$). Pada domain ini, skor min pelajar lelaki ialah 4.35 dan pelajar perempuan 4.48.

Dapatan ujian ANOVA sehalu terhadap perbezaan faktor yang mempengaruhi akhlak pelajar KAA berdasarkan umur atau tingkatan, menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara tiga kumpulan responden 13 tahun, 14 tahun dan 16 tahun. Kajian berdasarkan pekerjaan ibu bapa dan tempat tinggal semasa belajar, juga menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan walaupun responden mempunyai latar belakang tempat tinggal dan pekerjaan ibu bapa yang berbeza.

KESIMPULAN

Berdasarkan hasil kajian dapat dirumuskan bahawa tahap penghayatan nilai akhlak al-Qur'an terhadap ibu bapa, guru, rakan dan masyarakat dalam kalangan pelajar-pelajar Kelas Aliran Agama adalah baik. Ini menunjukkan mereka mempunyai pemahaman terhadap nilai-nilai akhlak al-Qur'an. Walau bagaimanapun, perbincangan perlu dilakukan apabila kajian mendapati ramai dalam kalangan mereka kurang bersetuju, tidak bersetuju dan sangat tidak bersetuju pada beberapa amalan akhlak al-Qur'an yang dikaji. Keadaan ini dibimbangi akan menyebabkan mereka terlibat dalam masalah kemerosotan akhlak, sama ada di dalam atau di luar sekolah.

Manakala dapatan kajian berkaitan faktor, penulis merumuskan faktor ibu bapa adalah tinggi dalam mempengaruhi akhlak pelajar-pelajar Kelas Aliran Agama. Ini menunjukkan pelajar-pelajar ini memandang tinggi terhadap ibu bapa mereka dan mengakui kepentingan peranan ibu bapa dalam mendidik dan membentuk akhlak anak-anak mereka. Diikuti faktor rakan kelas aliran agama, persekitaran masyarakat, guru, program sekolah dan sikap diri sendiri. Dapatan kajian juga menunjukkan faktor rakan kelas aliran biasa adalah sederhana dalam mempengaruhi akhlak pelajar-pelajar Kelas Aliran Agama. Keadaan ini menggambarkan pelajar-pelajar KAA kurang atau tidak suka bergaul dengan pelajar-pelajar dari kelas aliran biasa.

Hasil kajian perbezaan faktor yang mempengaruhi akhlak pelajar-pelajar KAA pula menunjukkan, terdapat perbezaan berdasarkan jantina. Perbezaan ini adalah merujuk pada faktor sikap diri sendiri. Ramai dalam kalangan pelajar lelaki, sukar mengakui masalah kemerosotan akhlak yang mereka lakukan adalah berpunca daripada sikap diri mereka sendiri. Manakala ramai pelajar perempuan, mengakui sikap diri sendiri, adalah punca mereka terlibat dalam masalah kemerosotan akhlak. Kelemahan jati diri adalah punca mereka mudah terpengaruh dengan unsur-unsur luaran.

Berdasarkan rumusan hasil kajian, perbincangan dan pemerhatian selanjutnya ke atas pelajar-pelajar Kelas Aliran Agama di SMK Jalan Tiga, perlu dilakukan, untuk mengelakkan mereka terus terlibat dalam masalah kemerosotan akhlak. Walaupun jumlah pelajar-pelajar KAA yang terlibat dalam masalah kemerosotan akhlak agak kecil, namun ia amat dibimbangi oleh pihak sekolah. Ini kerana pelajar-pelajar ini adalah pelajar yang cemerlang dalam akademik. Mereka juga diharapkan dapat menjadi contoh dalam membudayakan akhlak Islam dalam kalangan pelajar-pelajar

sekolah ini. Usaha perlu dilakukan untuk mengukuhkan pemahaman mereka terhadap nilai-nilai al-Qur'an, khususnya nilai akhlak. Penulis menyarankan pihak sekolah, menitikberatkan pemboleh ubah jantina, dalam setiap program yang hendak dijalankan. Pihak sekolah boleh merancang beberapa program dengan mengasingkan di antara pelajar lelaki dengan pelajar perempuan. Pengasingan ini diharapkan dapat mengenal pasti masalah kemerosotan akhlak yang berlaku dalam kalangan mereka. Keadaan ini juga memudahkan guru-guru memberi pemahaman secara terperinci dalam usaha memantapkan penghayatan nilai akhlak al-Quran dalam kalangan pelajar-pelajar Kelas Aliran Agama. Pemantauan yang berterusan perlu untuk meningkatkan kualiti setiap program yang dijalankan.

RUJUKAN

al-Quran

- al-Quran Mushaf Malaysia Dan Terjemahan. 2009. Shah Alam. Penerbit : Yayasan Restu
- Imam al-Ghazali, 2008. *Penenang Jiwa, Pengubatan dan Rawatan*. Jil.1. Terj. Muhammad Qadirun Nur. Kuala Lumpur: Wholesale-Mart Business Point Sdn Bhd.
- Drs. H. Mod Rifa'I (pnyt.). 2008. *Akhlak Seorang Muslim*. Kuala Lumpur : Crescent News Sdn Bhd.
- Al-Syahid Sayyid Qutb & Sayyid Abdul A'la Al-Maududi. 2001. *Manhaj Hidup Muslim*. Terj. Hafid Muhammad Uthman, Sallahuddin Abdullah, Abdul rahman Rukaini. Kuala Lumpur: Dewan Pustaka Fajar (DPF).
- Adnan Hasan Salleh. 2011. *Mendidik Anak Lelaki*. Kuala Lumpur: PTS Millennia Sdn. Bhd.
- Ahmad Diniyah Hj Ihsan.1995. *Penghayatan nilai akhlak dalam pendidikan Islam di kalangan pelatih-pelatih islam maktab perguruan teknik (MPT) Kuala Lumpur*. Tesis Sarjana, Universiti Kebangsaan.
- Abdullah Razak Naufal.1976. Peranan Al-Qur'an dalam Masyarakat Moden. Penerbit Pustaka Nasional Singapura.
- Arbak Othman.2006. Kamus Komprehensif Bahasa Melayu. Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti Sdn.